

"Kecederaan ini mungkin akan mengganggu saya untuk membantu pasukan kerana saya memerlukan sekurang-kurangnya enam minggu untuk pulih sepenuhnya"

Marhan Jalil

Naqih Nor Said
naqib@nstp.com.my

Tiga digugurkan

Kuala Lumpur

Suasana kem skuad hoki lelaki negara bercampur suka dan duka hari ini sebaik pengendaliannya, Stephen Van Huizen mengumumkan senarai 18 pemain untuk ke Sukan Komanwel Gold Coast bermula 4 hingga 15 April depan.

Ini selepas watak penting mereka sewaktu menghadapi Piala Sultan Azlan Shah 2018 yang berakhir awal bulan ini - Marhan Jalil, Nik Muhammad Aiman Nik Rozemi dan Faiz Helmi Jalil - terpaksa diketepikan sementara waktu.

Biarpun lega dengan berita kepulangan pertahanan berpengalaman dan ketua pasukan Sukri Mutaib yang sebelum ini tersisih kerana kecederaan kaki, namun kehilangan Marhan di bahagian tengah pastinya paling dirasakan skuad negara.

Khidmat Marhan terpaksa dilupakan selepas pemain tengah kelahiran Negeri Sembilan itu gagal pulih sepenuhnya daripada kecederaan patah tulang jari kaki sewaktu di Ipoh.

Menurut Marhan, 28, walaupun kecewa, namun dia tidak rela menjejaskan perancangan Malaysian Tigers di Gold Coast sekiranya

■ Suasana suram selubungi Malaysian Tigers selepas Van Huizen umum nama 18 pemain ke Gold Coast

meneruskan hasrat mengibarkan cabaran negara ketika berada dalam keadaan bukan terbaik.

"Kecederaan ini mungkin boleh pulih dalam masa terdekat, cuma saya tidak mahu mengambil risiko untuk tetap pergi ke Gold Coast kerana saya

tidak mahu apabila tiba di sana nanti saya tidak dapat memberikan komitmen 100 peratus kepada pasukan.

"Kecederaan ini mungkin akan mengganggu saya untuk membantu pasukan sepenuhnya kerana saya memerlukan sekurang-kurangnya enam minggu untuk pulih dan sebab itu saya tidak mahu mengambil risiko ke Sukan Komanwel.

"Saya berharap rakan yang menggalas tanggungjawab di Gold Coast akan bermain sebagai satu pasukan dan mengutip seberapa banyak pengalaman untuk dibawa ketika beraksi di Su-

kan Asia dan Piala Dunia nanti," jelas Marhan.

Selain Marhan, skuad negara juga terpaksa melupakan khidmat Nik Muhammad Aiman yang turut mengalami kecederaan ketika membantu Malaysia menewaskan Ireland 4-1 dalam aksi pembukaan di Ipoh.

Dalam pada itu, Faiz Helmi yang akan menamatkan pengajiannya di Universiti Malaya tidak lama lagi memohon pelepasan daripada menyertai temasya kedua terbesar dunia itu kerana mahu memberikan tumpuan kepada semester akhirmya.

Tempat kedua-dua pemain itu diambil Ramadan Rosli dan Amirol Aided Arshad.



MARHAN tarik diri akibat kecederaan.

FAIZ mohon pelepasan untuk menghabiskan pengajian.

SENARAI 18 PEMAIN

PENJAGA GOL

Muhammad Hairi Abd Rahman
Muhammad Hafizuddin Othman

PERTAHANAN

Mohamad Sukri Abdul Mutaib
Muhammad Razie Abd Rahim
Najmi Farizal Jazlan
Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan
Amirol Aided Arshad

TENGAH

Mohd Fitri Saari
Nabil Fiqri Mohd Noor
Azri Hassan
Joel Samuel Van Huizen
Meor Muhammad Azuan Hassan

PENYERANG

Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil
Faizal Saari
Ramadan Rosli
Shahril Saabah
Firhan Ashari
Norsyafiq Sumantri